



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity

# WADDAH

PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

<http://umplibrary.ump.edu.my>



## MENARIK DI DALAM:

Anda Tanya Ustaz Jawab - *Viral* Vs Moral

Bicara Penulis: Dari Malaya ke Himalaya

Terapi Seni - Menjana Kecerdasan Emosi

BIL: 1/2017 (JAN-JUN)

ISSN: 2180-0456

# WADAH

## Isi KANDUNGAN

### PERKARA

- ▶ Bicara Ketua Pustakawan
- ▶ Bengkel
- ▶ UMP Bantu dalam Pengurusan Pusat Sumber Sekolah
- ▶ Turnitin: Tool to check sources similarity
- ▶ Anda Tanya Ustaz Jawab - *Viral vs Moral*
- ▶ Pameran Buku dan Hari Bertemu Pelanggan
- ▶ Dari Malaya Ke Himalaya
- ▶ Hari Kualiti & Inovasi 2017
- ▶ Program Pendidikan Pengguna
- ▶ Lawatan Sekolah
- ▶ Perkongsian Ilmu: Terapi Seni - Menjana Kecerdasan Emosi
- ▶ Aktiviti Kelab Perpustakaan UMP
- ▶ Info Staf

### MUKA SURAT

- 2
- 3
- 4
- 5
- 6
- 7
- 8
- 9-10
- 11
- 12
- 13
- 14-16
- 17

## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

Tuan Haji Ruslan Che Pee

### EDITOR

Siti Aishah Ghani

Ratna Wilis Haryati Mustapa

### REKA BENTUK/GRAFIK

Nor Suhadah Sabli

Siti Nur Sahidah Ahmad

### JURUFOTO

Nik Ahmad Nasyrun Nik Abd Malik

Muhammad Ridhuan Shah Bin Abdul Shukor

### PENGARANG

Affida Abu Bakar

Ahmad Nurudin Abd Nasir

Muhammed Fawwaz Abdul Rasid

Noor Azura Omar

Nor Suhadah Sabli

Ratna Wilis Haryati Mustapa

Siti Aishah Ghani

Siti Nur Sahidah Ahmad

### KAMPUS PEKAN

PENTADBIRAN  
Perpustakaan  
Universiti Malaysia Pahang,  
26600 Pekan, Pahang.  
Telefon: 09-424 5639/5627  
Faks: 09-424 5666

UNIT PEROLEHAN & TERBITAN BERSIRI  
Affida Abu Bakar  
09-424 5609

UNIT HADIAH  
Cik Sharifah Nazirah Syed Omar  
09-424 5609

UNIT PENKATALOGAN  
Siti Aishah Ghani  
09-424 5604

Wan Nurulhuda Wan Zakaria  
09-424 5636

UNIT SIRKULASI & UNIT MEDIA  
Iswan Akim Ismail  
09-424 5607

UNIT RUJUKAN  
Ahmad Nuruddin Abd Nasir  
09-424 5650

Muhammed Fawwaz Abdul Rasid  
09-424 5651

UNIT PENGURUSAN ILMU  
Noorul Farina Arifin  
09-424 5605

UNIT DIGITAL  
Mohd Ariffin Abdul Aziz  
09-424 5649

UNIT AUTOMASI  
Amelia Hasan  
09-424 5606

UNIT DATA  
Rohaida Mohamad Idaris  
09-424 5608

KAUNTER SIRKULASI  
09-424 5600

### KAMPUS GAMBANG

PENTADBIRAN  
Perpustakaan  
Universiti Malaysia Pahang,  
Lebuhraya Tun Razak,  
26300 Gambang Kuantan, Pahang.  
Tel: 09-549 3131  
Faks: 09-549 3132

UNIT SIRKULASI  
Nor Ashikin Ahmad  
09-549 3148

UNIT RUJUKAN  
Noor Azura Omar  
09-549 3136

KAUNTER SIRKULASI  
09-549 3131



## BICARA KETUA PUSTAKAWAN



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Terima kasih, saya ucapkan kepada sidang editor WADAH Perpustakaan di atas kesempatan memberikan kata-kata aluan.

Tahun 2017 adalah tahun yang mencabar bagi perpustakaan. Perpustakaan mendepani kekangan bajet pengurusan (kewangan) dan sumber manusia. Untuk mengatasi kekangan tersebut, Perpustakaan telah membuat penstrukturan semula organisasi. Dua langkah yang telah dikenalpasti adalah dengan menggabungkan beberapa unit yang sedia ada dan mewujudkan beberapa unit baharu yang lebih relevan dengan perkembangan permintaan pelanggan pada masa ini.

Unit-unit yang sedia ada telah digabungkan adalah Unit Perolehan & Unit Terbitan Bersiri. Unit Sirkulasi & Unit Media. Manakalan 3 unit baharu telah diwujudkan adalah Unit Digital, Unit Data dan Unit Hadiah & Pertukaran. Sementara itu Unit Kualiti & Latihan telah ditempatkan di Bahagian Pentadbiran Perpustakaan. Langkah penstrukturan semula organisasi perpustakaan adalah bagi memastikan semua Lonjakan Strategik Perpustakaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan mantap.

Semoga tahun 2017 ini memberikan semangat dan suntikan baharu kepada semua warga perpustakaan untuk terus kreatif dan berinovatif dalam memberikan perkhidmatan kepada semua pelanggan, sejajar dengan *tagline* perpustakaan 'Memasyarakatkan Maklumat'.

Sekian

TUAN HAJI RUSLAN CHE PEE

Ketua Pustakawan

# WADAH

## Bengkel Dashboard Pengurusan Risiko Perpustakaan

Disediakan oleh : Siti Aishah Ghani

Pada 17-18 Januari 2017 telah berlangsungnya satu 'Bengkel Penyediaan *Dashboard* Pengurusan Risiko' bertujuan untuk memantapkan pengurusan proses-proses utama di perpustakaan. Seramai 26 orang pegawai di perpustakaan terlibat dan bukan sahaja staf dalam skim S, tetapi juga Pegawai Tadbir (skim N) dan Pembantu Tadbir Kewangan (Skim W).

Bengkel 2 hari ini merupakan bengkel lembaran baharu tahun 2017 yang bertujuan menyediakan *dashboard* pengurusan risiko perpustakaan.

Output dari gerak kerja kumpulan dan percambahan minda sepanjang bengkel ini telah menghasilkan 16 proses/prosedur yang diterjemahkan melalui *dashboard* potensi risiko dan analisis risiko. Dengan penyediaan *dashboard* ini diharap dapat meningkatkan lagi kualiti pengurusan di perpustakaan dalam pelbagai aspek.



## BENGGEL PENGURUSAN DATA PENERBITAN UMP

Disediakan oleh : Ratna Wilis Haryati Mustapa



Barisan kakitangan yang terlibat

Pada 1 Februari 2017, seramai 8 kakitangan yang terdiri dari Pustakawan dan Penolong Pustakawan dari Bahagian Digital iaitu Unit Pengurusan Ilmu, Unit Data dan Unit Digital telah mengikuti satu 'Bengkel Pengurusan Data Penerbitan UMP' yang bertempat di bilik mesyuarat 2, Perpustakaan UMP, Pekan.

Bengkel yang diketuai oleh Cik Hajjah Kamariah Gono, Timbalan Ketua Pustakawan Bahagian Digital ini telah dijalankan bagi mengukuhkan kemahiran pegawai dalam menguruskan penerbitan data di Universiti Malaysia Pahang.

Diharapkan agar bengkel ini dapat membantu dan memperbaiki serta meningkatkan kemahiran pegawai dalam rangka mewujudkan LS3 Universiti.



*Disediakan oleh : Muhammed Fawwaz Abdul Rasid*

## UMP bantu dalam pengurusan Pusat Sumber Sekolah

Pada 6 April 2017, Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Pekan telah mengadakan ceramah Pusat Sumber Sekolah Digital yang disertai oleh 64 buah sekolah di daerah Pekan. Tujuan ceramah ini bagi memantapkan peranan pengurusan pusat sumber sekolah.

Turut hadir Haji Ruslan Che Pee selaku Ketua Pustakawan UMP yang berpendapat usaha ini bukan sahaja program khidmat komuniti malah ianya sejajar pelan strategik UMP iaitu memasyarakatkan teknologi. Di samping itu, program ini dapat membantu tugas guru dalam pengurusan koleksi pusat sumber serta mengeratkan hubungan sekolah sekitar dengan UMP.

Katanya lagi, perpustakaan membantu dalam menyediakan satu sistem iaitu Sistem Katalog Induk Daerah Pekan. Sistem ini dapat membantu guru dan pihak sekolah menguruskan koleksi mereka secara sistematik dan tersusun dengan penyimpanan data koleksi secara digital. Rata-rata guru pusat sumber sekolah ini ternyata berminat dengan sistem induk katalog ini kerana dapat membantu meringankan kerja mereka, menjimatkan masa dan wang. Pada masa akan datang, sistem katalog induk pusat sumber sekolah ini akan dinaiktaraf menjadi katalog induk pusat sumber sekolah-sekolah di negeri Pahang.



Ketibaan para guru di lobi perpustakaan



Sesi pendaftaran peserta



Sesi bergambar bersama para guru pusat sumber



Lawatan ke anjung perpustakaan



# WADAH

Oleh: Noor Azura Omar

## TURNITIN: TOOL TO CHECK SOURCES SIMILARITY



A Malay proverb “Lain hulu lain parang, Lain dahulu lain sekarang” is a true example of today’s process of teaching and learning has change tremendously throughout the years. The mode of education from a conventional method is now becoming more flexible. Physical resources and items are replaced with online resources and various techniques of searching and managing information. There are many tools that can be applied to facilitate the teaching and learning process. In other words the teaching and learning system has changed towards a more user friendly environment.

In line with current situation, the institutional of higher learning especially the library, must be able to follow the trend closely in order to be relevant. Library must be able to identify the users’ need in order to assist them and should be the main choice of resource for the university.

One of the tools highlighted in this article is Turnitin. This tool is used to check the similarity between sources for user assignment or publication. There are other similar product via subscribed license such as iThenticate, Writecheck or any free software such as Viper or Noplac in the market but UMP library has choose to subscribed Turnitin with 3000 users’ license yearly.

Before Turnitin there were issues on tracing the sources used by writers’ in their assignment or writing. Difficulty occurs in terms of identifying the originality of the write-up or just copying from the sources that they have


read under the same topic for their work. If they are citing other people works, are they cited ethically by giving the credit to the owner of the idea? In terms of checking the assignment, the lecturers need to read and check manually each assignment done by the student and sometimes the tendency of copying or plagiarizing happens without noticing.

Turnitin is a user friendly tool. The access is web based. Information about the training, manual and guide, support and etc. has been provided online plus on demand awareness training by the library. Even though the tool is easy, it is important to ponder on the its’ usage especially the setting because if there is an error, and mistake happens, it will give nightmare to user.

Turnitin helps to avoid plagiarism in writing as the match overview feature will immediately compare it with the actual writing with the sources used, and matched it with sources inside the Turnitin database. Due to the big storage and indexed database, the compared sources will easily be detected. Therefore, Turnitin tools encourage the practice of proper citation towards user work. They need to compose, re-word or rephrase the content by using their own word.

This tool is provided free to all UMP Library users. Users need to abide the guideline in using Turnitin which can be refers at Library portal or the link provided.

[http://umplibary.ump.edu.my/images/PICTURE/e-resource/UMPLibrary PERATURAN PENGGUNAAN PERISIAN ANTI PLAGIAT TURNITIN 21012017.pdf](http://umplibary.ump.edu.my/images/PICTURE/e-resource/UMPLibrary%20PERATURAN_PENGGUNAAN_PERISIAN_ANTI_PLAGIAT_TURNITIN_21012017.pdf)





# WADAH



## Anda Tanya Ustaz Jawab - *Viral* vs Moral

Pada 24 Februari 2017, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) telah menganjurkan satu program Anda Tanya Ustaz Jawab bertempat di auditorium Perpustakaan UMP Pekan yang menampilkan suatu tajuk yang menjadi isu dan perbualan hangat netizen di media sosial dan juga media arus perdana.

Hadir berkongsi pendapat, dua orang ahli panel iaitu Timbalan Pengarah Pusat Pengajaran & Teknologi Pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Supyan Hussin yang juga seorang pakar sains sosial dan juga finalis Pencetus Ummah, Ustaz Mohd Lokman Ahmad.

Pengarah program, Ustaz Mohamad Hanur Abdul Hamid berkata, secara khususnya tajuk '*Viral* Vs Moral' ini dipilih bagi memberi pencerahan yang sebenar kepada masyarakat tentang isu menyebarkan sesuatu perkara tanpa ilmu yang kadangkala diragui kesahihannya. Bagi Prof. Dr. Supyan, fenomena *viral* atau tular ini adalah satu tafsiran yang berbeza kerana kadang-kadang *viral* merujuk kepada perkembangan negatif terhadap sesuatu perkara.

"Sebagai contoh dari aspek perubahan *viral* merujuk kepada kondisi kesihatan yang tidak baik. Namun kini perkataan *viral* turut digunakan dalam mensensasikan sesuatu isu mahupun maklumat lebih-lebih lagi di media sosial," katanya. Namun, kata beliau sungguhpun isu *viral* banyak dilihat dari sudut negatif, namun ada juga sisi positif yang membawa kebaikan dalam menyampaikan maklumat yang benar dengan kadar segera.

Program ini telah disertai hampir 200 orang peserta yang terdiri daripada warga UMP, agensi kerajaan sekitar daerah Pekan dan Kuantan serta komuniti masyarakat sekitar Kuala Pahang.





# WADAH

## PAMERAN BUKU DAN HARI BERTEMU PELANGGAN

*Disediakan oleh: Affida Abu Bakar*

Pada 21 - 24 Mac 2017, Perpustakaan UMP telah mengadakan Pameran Buku 2017 bertempat di Kampus Gambang dan Pekan. Pameran ini berkonsepkan 1 pembekal 1 fakulti iaitu setiap fakulti boleh memilih mana-mana buku mengikut pembekal yang ditetapkan. Dengan adanya pameran buku ini, para pensyarah dapat membuat pemilihan buku mengikut bidang kursus pengajaran dan mendapatkan senarai buku yang terkini di pasaran dan cadangan buku yang bersesuaian.

Bagi memeriahkan pameran buku ini, pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan. Pada 22 Mac 2017, Hari Bertemu Pelanggan telah diadakan bagi mendekati pengguna Perpustakaan UMP. Disamping itu, wakil Unit Pengurusan Ilmu Perpustakaan juga turut serta bersama-sama memberi penerangan berkenaan dengan UMP – Institutional Repository (UMP-IR).

Aktiviti-aktiviti lain seperti Teka Muka Surat Buku, Kuiz dan Komen turut diadakan. Aktiviti ini amat mendapat sambutan di kalangan para pelajar dimana mereka boleh mempelajari teknik pencarian maklumat berkaitan pangkalan data dan iportal melalui soalan kuiz yang disediakan. Para pemenang diberikan hadiah-hadiah tajaan daripada pembekal buku dan Perpustakaan UMP. Perpustakaan UMP mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang hadir dan turut serta memeriahkan program pada kali ini!




Staf yang turut memeriahkan hari pameran



Pameran buku daripada pembekal



Cenderahati untuk pengunjung



Sesi bertemu pelanggan



## DARI MALAYA KE HIMALAYA

Penulis buku travelog Dari Malaya Ke Himalaya, Mohamad Jafri Ahmad telah bersetuju untuk berkongsi pengalaman dan cabaran yang dihadapi bersama 3 rakan menjelajah pergunungan Annapurna di Banjaran Himalaya, Nepal bersempena pameran buku UMP pada 21 Mac 2017 di Sudut Bicara Ilmu, Perpustakaan UMP Kampus Pekan. Perkongsian ini telah menarik minat peserta yang terdiri daripada mahasiswa dan staf UMP untuk tidak berganjak mendengar sehingga tamat.

Selain berkongsi pengalaman pendakian, beliau turut berkongsi bagaimana untuk menghasilkan serta menerbitkan sebuah buku travelog. Menulis buku travelog kata orang nampak mudah. Namun keazaman dan kesungguhan yang tinggi perlu ada dalam diri setiap penulis untuk menyiapkan sebuah buku travelog. Apa lagi, yang suka mengembara tu, semoga terhasil buku travelog atas nama anda sendiri nanti. InshaAllah.

Antara tips yang dikongsi untuk penulisan travelog adalah:

1. **GAMBAR** – Setiap aktiviti dan momen penting jangan lepaskan peluang untuk ambil gambar supaya kita tidak lupa setiap pergerakan yang kita buat.
2. **BUKU CATATAN** – Selepas buat setiap aktiviti, ambil masa untuk menulis dalam buku catatan. Ini penting supaya tidak terlupa idea atau kata-kata penting yang boleh dimasukkan dalam penulisan travelog nanti.
3. **JANGAN TANGGUH** – Balik sahaja dari pengembaraan, boleh terus menulis. Menulis setiap hari supaya senang ingat semula aktiviti yang dilakukan.
4. **TERBIT SENDIRI** – Atas faktor kos yang lebih murah, menerbitkan sendiri buku adalah lebih baik. Cuma setiap penulis perlu mengambil inisiatif yang lebih untuk membuat promosi buku supaya lebih dikenali pembaca.



▲ Penulis menceritakan pengalaman beliau



▲ Sesi bergambar bersama penulis



▲ Tuan Haji Ruslan menyampaikan cenderahati kepada penulis travelog dan saguhati kepada pelajar UMP yang bertanyakan soalan.



*“Tiada jalan pintas untuk berjaya melainkan perlu meneruskan langkah demi langkah hingga ke titik penamat selain menempuh liku-liku perjalanan dengan sabar dan tenang. Kekuatan fizikal yang dimiliki tidak membawa apa-apa makna dalam sesuatu pengembaraan jika ia tidak disokong oleh kekuatan mental.”*

[Mohamad Jafri Ahmad]



# HARI KUALITI & INOVASI 2017



Bersempena Hari Kualiti dan Inovasi UMP 2017, sebanyak 9 kategori hadiah dan anugerah disampaikan terdiri dari Anugerah Kualiti Naib Canselor, Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Kecemerlangan Industri Masyarakat, Anugerah Sukan, Hadiah ICT (K-Portal) dan Hadiah Penerbitan dan Hadiah Persekitaran Berkualiti .

Seramai 166 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) dirai bagi mengiktiraf kecemerlangan mereka dalam bidang masing- masing semasa Majlis Hari Kualiti dan Inovasi 2017 yang berlangsung di Dewan Astaka UMP Gambang.

Turut berlangsung pameran Legasi Kepimpinan Universiti Malaysia Pahang yang dikendalikan oleh Perpustakaan telah dilawati oleh dif -dif utama universiti sebagai acara penutup majlis.

## PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016  
Hari Kualiti & Inovasi UMP 2017



Perpustakaan juga berjaya m...  
angkul 2 dari 9 Kategori hadiah i...  
Hadiah ICT (k - Portal) terbaik dan Had...  
Persekitaran Berkualiti (QE / Amalan...  
serta 6 staf Perpustakaan UMP dianug...  
ahkan Anugerah Pekerja Cemerl...  
2016.

Hadir merasmikan ma...  
Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, D...  
Sri Mohd. Hilmey Mohd Taib dan N...  
Canselor UMP, Prof Dato Dr. Daing N...  
Ibrahim. Hadir sama Timbalan M...  
Canselor (Akademik & Antarabang...  
Prof. Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus...  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidika...  
Inovasi), Prof. Dr. Mashitah Yusof.







## PAMERAN LEGASI KEPIMPINAN UMP

Pameran tersebut mengimbuai kembali sejarah dan peristiwa penting kewujudan Universiti Malaysia Pahang hingga ke hari ini. Fokus utama pameran adalah kepada 3 legasi pentadbir utama universiti yang dipamer mengikut kronologi kepimpinan iaitu dari kepimpinan Prof. Dato' Dr. Abu Azam Md. Yassin (2001 – 2005) Rektor pertama KUKTEM, Prof. Dato' Dr. Mohammad Said Mat Lela (2005 – 2008) Penjenamaan UMP dan Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dari tahun 2008 sehingga kini dengan bermulanya operasi Kampus Utama UMP di Pekan Pahang.

Cetusan idea pameran ini adalah dari pihak Perpustakaan UMP sebagai Hub Informasi Universiti dan di bantu oleh Pihak Koparat Universiti untuk semakan maklumat serta Pihak Jabatan Kualiti Kesihatan UMP bagi melancarkan gerak kerja pameran tersebut di Hari Kualiti dan Inovasi UMP 2017.

Pameran tersebut memberi nilai kenangan kepada staf UMP yang telah lama berkhidmat di UMP dan memberi input sejarah kepada staf baharu serta pelajar UMP sendiri bagi mengenali lebih dekat asal usul penubuhan UMP.

Pameran Legasi Kepimpinan Universiti kendalian Perpustakaan UMP telah dilawati oleh dif –dif utama Majlis Hari Kualiti dan Inovasi UMP 2017 iaitu Lembaga Pengarah UMP Dato Helmi, Naib Canselor UMP, Prof Dato Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr. Mashitah Yusof.

Lawatan tersebut diketuai dan disambut oleh Tuan Haji Ruslan Che Pee selaku Ketua Pustakawan UMP sendiri untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada dif dif utama .





# WADAH

## PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA



Fasilitator menunjukkan asas penggunaan Mendeley



Peserta khusyuk mendengar penyampaian penceramah

**Tarikh** : 12 April 2017  
**Tempat** : Makmal Komputer, Perpustakaan UMP  
**Program** : Kelas Pendidikan Pengguna : Mendeley  
**Penceramah** : Dr. Mohd Shafie bin Bakar, Penasihat Mendeley

### Tujuan program :

1. Memberi pengetahuan tentang asas penggunaan Mendeley.
2. Membantu pelajar, pensyarah dan penyelidik dalam mencari maklumat berkaitan bidang penyelidikan mereka.
3. Memberi pendedahan kepada pengguna untuk mengembangkan kemahiran bermaklumat.
4. Memberi panduan kepada peserta dalam penggunaan dan pencarian maklumat.

## PUBLISHER TALK : EMERALD

**Tarikh** : 26 April 2017  
**Tempat** : Makmal Komputer, Perpustakaan UMP  
**Bil. Peserta** : 35 orang  
**Penceramah** : En. Ben S'ng (Perunding kanan Emerald Publishing Relationship)

### Tujuan program :

1. Memberi kemahiran maklumat mengenai Pangkalan Data yang dilanggan oleh Perpustakaan UMP.
2. Memberi pendedahan kepada para pelajar pasca siswazah bagaimana untuk menerbitkan hasil penyelidikan di dalam jurnal berwasit yang berindeks di bawah platform penerbit "Emerald".
3. Mendedahkan kaedah untuk mengenalpasti Predatory journal platform.



Penceramah memberikan penerangan



Barisan peserta yang terlibat



# WADAH

## LAWATAN PENGGUNA

Tarikh : Februari & April 2017

Pelawat : 1) SMK Indera Shahbandar (3.2.2017)  
2) Maahad Tahfiz Yayasan Pahang (14.2.2017)  
3) SMK LKTP Chini ( 21.2.2017)  
4) SMK Jeli (28.4.2017)

Tujuan lawatan :

1. Memberi pendedahan kepada murid-murid tentang ilmu sains perpustakaan.
2. Memberi peluang dan pengalaman pembelajaran di luar bilik darjah kepada pelajar dalam suasana yang berbeza.
3. Membentuk tingkah laku dan sikap murid untuk lebih berdaya saing.
4. Memberi peluang kepada pelajar untuk melihat keadaan perpustakaan di peringkat pengajian tinggi.



Taklimat ringkas kepada pelajar SMK LKTP Chini



Penerangan tentang fungsi *Self Check Kiosk*



Pelajar mencuba *media self access*



Para guru melawat butik PG5



Pelajar melawat sudut pameran legasi



# WADAH

Disediakan oleh: Muhammed Fawwaz Abd Rasid

## Program Jom Baca Bersama 10 Minit

Pada 25 April 2017, telah berlangsungnya PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT peringkat Universiti Malaysia Pahang bermula dari jam 11 hingga 11.10 pagi yang melibatkan seluruh warga UMP terdiri daripada pegawai, pelajar walau dimana sahaja berada pada waktu tersebut. Program Jom Baca Bersama untuk 10 minit merupakan acara tahunan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Se-Malaysia (MPAM) Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri.

Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit akan berjalan serentak di 14 buah negeri dengan menyasarkan lebih daripada 2.6 juta penyertaan dari pelbagai peringkat umur dan lapisan masyarakat. Program bertujuan menyemai budaya membaca di kalangan masyarakat dan boleh dilakukan di mana-mana sahaja dengan membaca apa sahaja bentuk bahan bacaan yang digemari.



## Perkongsian Ilmu: Terapi Seni - Menjana Kecerdasan Emosi



**PENCERAMAH** : Puan Paridah Binti Mohd Ali, Pegawai Psikologi Kanan, UMP, Jabatan Hal Ehwal & Alumni

**HARI** : Rabu

**TARIKH** : 24 Mei 2017

**MASA** : 9.00 pagi - 1.00 petang

**TEMPAT** : Bilik Seminar 1, Perpustakaan UMP Pekan

**PESERTA** : Staf Perpustakaan UMP Pekan & Gambang

**TUJUAN** :

Meningkatkan fizikal, kesihatan mental dan fizikal dalam kalangan individu pelbagai lapisan umur. Justeru itu, pendekatan terapi seni ini bagus digunakan sebagai alat atau bahan untuk pengurusan emosi.



# WADAH

## Pendakian Bukit Pelindung

Tarikh : 11 Mac 2017

Tempat : Bukit Pelindung, Kuantan

Masa : 7.15 pagi – 11.00 pagi

Tujuan :

1. Mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan ahli kelab perpustakaan serta keluarga.
2. Menggalakkan aktiviti sukan dan rekreasi yang merupakan amalan gaya hidup sihat.



## Program Ambang Ramadhan: Sesi Ceramah & Pembahagian Kurma

PENCERAMAH : Ustaz Rosmaini Bin Haji Abdul Rahman

TARIKH : 26 Mei 2017

TEMPAT : Auditorium, Perpustakaan UMP Pekan



Staf yang hadir mendengar ceramah Ambang Ramadhan



- Ustaz Rosmaini menyampaikan ceramah bagi persediaan menyambut Ramadhan yang bakal tiba

Sesi pembahagian kurma kepada wakil setiap unit



- Cik Hajah Kamriah menyampaikan cenderahati kepada Ustaz Rosmaini sebagai tanda penghargaan



# WADAH

## Kejohanan Sukan Antara Jabatan UMP Inter PTJ

Pada 1-9 April 2017 telah berlangsungnya Kejohanan Sukan antara Jabatan UMP Inter PTJ 2017. Jutaan tahniah diucapkan kepada semua atlet yang berjuang serta pihak pengurusan yang terlibat secara langsung mahupun tidak. Penyertaan pihak Jabatan Perpustakaan pada kali ini memberi impak yang amat besar dalam sukan di peringkat universiti.

Dengan semangat juang yang dipamerkan pihak perpustakaan telah memberi tentangan yang hebat dalam semua acara yang disertai dan hasilnya kita hampir berjaya memperoleh 2 pingat emas tetapi terpaksa akur dengan kehebatan dan pengalaman pihak lawan.

Semoga aktiviti seperti ini dapat diteruskan di masa akan datang bagi mengukuhkan ukhwah di antara semua jabatan di UMP.

No.	Acara	Kedudukan
1.	Futsal	2 Naib Johan
2.	Takraw	2 Naib Johan
3.	Bola sepak 9's	3 Ketiga
4.	Badminton	4 Keempat
5.	Ping pong	Suku akhir



Bergambar bersama pingat gangsa



Tersenyum setelah berjaya meraih kedudukan naib juara Futsal



Wakil dari jabatan perpustakaan



Barisan pemain ping pong berjaya ke suku akhir



Pemenang tempat keempat kejohanan badminton



## *Indoor Games Kelab Perpustakaan*

Tarikh : 24 Januari 2017 (Selasa)  
Anjuran : Kelab Perpustakaan UMP  
Permainan : Congkak, Batu Seremban dan X-Box

### Tujuan :

1. Mengeratkan hubungan silaturahim antara kakitangan perpustakaan.
2. Meningkatkan budaya persaingan yang sihat dalam perlawanan.
3. Membantu dalam peningkatan produktiviti kerja dalam aspek ketekunan dalam melakukan sesuatu kerja.
4. Memberi peluang kepada semua kakitangan yang ingin menonjolkan bakat.



## *Kejohanan Bola Tampar Tertutup Staf UMP Piala Bendahari Kali Ke-12*

Tanggal 12, 13 dan 25 April 2017 telah menyaksikan satu Kejohanan Bola Tampar Tertutup Staf UMP Piala Bendahari Kali Ke-12, Tahun 2017. Pihak perpustakaan telah menghantar penyertaan sebanyak tiga pasukan iaitu 2 terdiri dari staf lelaki yang dipecahkan antara skuad Pekan dan Gambang. Manakala pasukan wanita terhasil melalui gabungan bersama antara staf Pekan dan Gambang.

Pada penyertaan kali ini pasukan wanita yang merupakan semi-finalis pada edisi yang lepas hanya mampu sekadar berpuas hati menamatkan kejohanan pada kali ini di peringkat kumpulan sahaja. Manakala dua pasukan lelaki pula berjaya melepasi halangan sukar di peringkat kumpulan untuk melayakkan diri ke peringkat seterusnya. Namun keduanya terkandas di pusingan kedua. Semoga semua finalis tidak akan berputus asa dan akan berusaha lagi di tahun hadapan.





# WADAH

## TAHNIAH



Nur Athirah Nabila Ahmad Zamri

4 Jan 2017

Anak kepada Puan Hazlinda

Nur Aira Sofea Muhammed Fawwaz

16 Februari 2017

Anak kepada Puan Noor Fateeha &  
Encik Muhammed Fawwaz



Nur Syaza Zafira Mohd Jamilulawal

20 April 2017


Anak kepada Encik Mohd Jamilulawal



Amanda Faiha Nuryn Ali

30 Mei 2017

Anak kepada Puan Faizatul Nadia



## SELAMAT MAJU JAYA



MOHD AKHMAL HAKIM BIN ROSZAHARNI

(3 NOV 2013 - 10 FEB 2017)

BERPINDAH KE ORGANISASI LAIN



AZLE BIN ABD GHALIM

(1 SEP 2015- 14 APR 2017)

BERTUKAR KE JABATAN LAIN DI UMP

## TAKZIAH.

Salam Takziah diucapkan kepada :

- Pn. Sufarini Binti Mohd Sudin diatas pemergian ibu (4 Jan 2017)
- En. Shahril Bin Johari diatas pemergian ibu (12 Jan 2017)
- En. Noorazli Bin Othman diatas pemergian bapa (20 Mac 2017)
- En. Mohd Ariffin Bin Abdul Aziz diatas pemergian ibu (22 Mac 2017)
- Cik Rohaida Binti Mohamad Idaris diatas pemergian ibu (31 Mac 2017)
- En. Syed Mohd Faiz Bin Syed Abdul Aziz diatas pemergian bapa (24 Mei 2017)

*Sesungguhnya kita milik Allah SWT, dan kepada-Nya jua kita kembali...*

## STAF BAHARU



Y.M RAJA ALLEN JORDAN IZZUDDIN  
SHAH BIN Y.M RAJA BAHARUDIN

PEGAWAI TADBIR

17 APRIL 2017



MOHAMMAD DZULAZLAN BIN AZHA

PEMBANTU PUSTAKAWAN

15 Mei 2017



NORFAMIEZA BINTI MOHAMED FAYL

PEMBANTU PUSTAKAWAN

1 JUN 2017



# BENGGKEL RESOURCE DESCRIPTION & ACCESS (RDA)

**TARIKH :** 26– 27 JULAI 2017

**TEMPAT :** UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, PEKAN

**TARIKH TUTUP**

**20 Julai 2017**

## Aturcara Program

### OBJEKTIF

- ◆ Memberi pendedahan kepada peserta mengenai RDA.
- ◆ Memberi langkah demi langkah melaksanakan RDA
- ◆ Perkongsian dalam menggunakan RDA dalam pengkatalogan

### KANDUNGAN BENGGKEL

- ◆ Pengenalan RDA
- ◆ Transformasi AACR ke RDA
- ◆ RDA Toolkit
- ◆ Polisi RDA Malaysia
- ◆ Dokumentasi bahan monograf berpandukan RDA

**Penceramah :**

MASA	HARI PERTAMA	HARI KEDUA
8.15 am	: Pendaftaran Peserta : Sarapan	: Sarapan
9:00 am	: Revolusi Pengkatalogan : Transformasi AACR ke RDA	: Pendokumentasian Bahan Monograf berpandukan RDA
10.30 am	Rehat	Rehat
11.00 am	: FRBR dan FRAD dalam RDA : Demonstrasi Penggunaan RDA Toolkit	: Pendokumentasian Bahan Monograf berpandukan RDA & Latihan
1:00 pm	Makan Tengahari & Solat	Makan Tengahari & Solat
2.15 pm	: Polisi RDA Malaysia & Tag (336/337/338) : Relator Term (Appendix I)	: Pendokumentasian Bahan Monograf berpandukan RDA & Latihan
4:30 pm	Minum Petang	Minum Petang
		<b>TAMAT</b>



**Puan Nik Irfah Rumaizah bte Ibrahim**

Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Pembinaan Koleksi  
Perpustakaan Negara Malaysia



**Puan Habirah binti Mohamad**

Penolong Pengarah  
Pusat Bibliografi Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang,  
26600, Pekan Pahang Darul Makmur.

Pn Siti Aishah                    09 424 5604  
Pn. Wan Nurulhuda            09 424 5636  
Pn. Farhana                      09 424 5627

Sila fakskan borang ke : 09-424 5666@  
farhanaz@ump.edu.my

### Pakej:

A– RM 250.00 Seorang (Termasuk Bahan Kursus, Makan, Sijil Penyertaan)

B– RM 200.00 Seorang (Termasuk Bahan Kursus, Makan, Sijil Penyertaan ) - Penyertaan 2 orang @ lebih

*\*(Yuran kursus termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST 6%))*





Diterbitkan oleh:  
 Perpustakaan  
 Universiti Malaysia Pahang  
 26600 Pekan  
 Pahang Darul Makmur

☎ 09-424 5640  
 📠 09-424 5666  
 🌐 <http://umplibrary.ump.edu.my>  
 📘 <http://www.facebook.com/Ump-Li>  
 🌐 <http://umplib.wordpress.com>